

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 20/01/2022

Edisi / Muka Surat : Sabah / 2

Tajuk : Jadikan koperasi sebagai gerakan bantu rakyat : Ewon

Jadikan koperasi sebagai gerakan bantu rakyat: Ewon

Oleh Kennedy Corlleus

KUALALUMPUR: Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick mahu gerakan koperasi membantu rakyat khususnya yang berpendapatan rendah keluar daripada kemiskinan.

Beliau berkata, ini kerana koperasi juga berperanan penting dalam agenda pembasmian kemiskinan selain menyumbang kepada ekonomi negara.

“Saya mahu gerakan ini (gerakan koperasi) sebagai gerakan yang membantu rakyat. Saya percaya pendekatan melalui koperasi, banyak kita boleh bina (bangunkan) untuk keluaran rakyat daripada kepompong kemiskinan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada lawatan rasminya ke Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia



ALBUM: Ewon (duduk empat kiri) merakamkan gambar kenangan sempena lawatan itu.

Berhad (Angkasa), di Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya, kelmarin.

Ewon berkata, gerakan koperasi juga perlu diberikan bantuan sama seperti syarikat

atau organisasi lain agar dapat merencanakan lagi aktiviti ekonomi dalam sektor-sek-

tor utama.

“Selain Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), kita juga akan melibatkan ANGKASA dalam perbincangan mengenai pembangunan perniagaan koperasi dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan oleh ANGKASA,” katanya.

Turut hadir Timbalan Menteri KUSKOP, Senator Saraswathy Kandasami.

Lawatan itu merupakan lawatan pertama Ewon dan Saraswathy ke ANGKASA sejak dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri awal Disember 2022.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) KUSKOP, Datuk Zamri Salleh; Pengerusi Eksekutif SKM, Rusli Jaafar dan Ketua Pengarah Institut Koperasi Malaysia, Datuk Mohd Ali Mansor.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA